

1069- PERSPEKTIF ISLAM DALAM ALAT DASAR FISKAL DAN IMPLIKASINYA UNTUK PERKEMBANGAN EKONOMI: SATU KAJIAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SELEPAS PEMULIHAN PANDEMIK COVID-19

ZHEIMIE H. ZAMRI

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam
Email: zimiharis97.edu@gmail.com.

ABDUL HADI BIN ABDUL SATAR

Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam
Email: ahas.elmuhammady@gmail.com.

NURLAILA SYAKIRA BINTI MOHMOOD NOR

Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam
Email: lailasyakira@gmail.com.

ABSTRAK

"Objektif utama kod kehidupan Islam adalah kesejahteraan rakyat di peringkat nasional. Kerajaan bertanggungjawab untuk mengawasi dan membantu mencapainya melalui dasar-dasar serta insentif-insentif yang sesuai. Dalam konteks ekonomi, salah satu dasar penting untuk mencapai kemapanan ekonomi negara adalah dasar fiskal. Dasar ini melibatkan pengurusan pendapatan dan perbelanjaan kerajaan, termasuk cukai, pinjaman, dan perbelanjaan wang. Negara Brunei Darussalam sangat bergantung kepada sektor eksport minyak dan gas mentah, yang membentuk 80 peratus daripada pendapatan kerajaan. Selepas pandemik COVID-19, pemulihan ekonomi Brunei terhalang oleh pengurangan pengeluaran dalam sektor minyak dan gas, yang memberi kesan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyebabkan inflasi meningkat. Menurut IMF, Brunei dijangka menghadapi kedudukan fiskal dan luaran yang akan melemah, dengan defisit sebanyak -9 peratus dan surplus sebanyak 10.6 peratus daripada KDNK dalam jangka sederhana untuk tahun 2023. Ini menunjukkan bahawa Brunei menghadapi cabaran utama dalam bidang fiskal, dengan keperluan untuk melindungi ekonomi daripada ketidakstabilan dalam sektor minyak dan gas, tekanan global untuk dekarbonisasi, dan memastikan kesamarataan antara generasi. Kajian ini, sebagai kajian kualitatif, akan meneliti alat dasar fiskal dan implikasi Islam ke atasnya, serta pelaksanaannya di Negara Brunei Darussalam selepas pemulihan pandemik COVID-19. Ini bertujuan untuk menilai dan melihat sejauh manakah pemulihan selepas pandemik ini telah mempengaruhi pelaksanaan prinsip-prinsip Islam melalui dasar fiskal negara."

Kata Kunci: Ekonomi, Ekonomi Islam, Dasar Fiskal, Negara Brunei Darussalam, COVID-19.

PENGENALAN

Objektif utama kod kehidupan Islam adalah kesejahteraan rakyat di peringkat Nasional. Kerajaan bertanggungjawab atas kesejahteraan kehidupan seluruh warganya di pelbagai bidang, khususnya bidang ekonomi yang menjadi sumber utama kehidupan. Dalam konteks ekonomi, salah satu dasar penting untuk mencapai kemapanan ekonomi negara adalah dasar fiskal. Dasar fiskal ini bermaksud garis panduan untuk mencapai keberkesanan dalam 'pengurusan pendapatan' dan 'perbelanjaan kerajaan', yang meliputi cukai, pinjaman, dan perbelanjaan wang dan lain-lain alat (Sadeq, 1998; Ali, 2016; Oktivany et al, 2023).

Penggunaan dasar fiskal sebenarnya telah berlaku sejak pemerintahan Baginda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*. Ini dapat dilihat dari perkembangan negara di Madinah, yang awalnya kosong, menjadi sebuah negara dengan kestabilan ekonomi yang kukuh. Kejayaan ini adalah hasil daripada pelaksanaan sistem fiskal yang berkesan dengan pengurusan kewangan yang bijak, dengan mempertimbangkan pelbagai faktor ekonomi semasa pemerintahan Baginda. (Ali, 2016). Pelbagai kajian mendapati dasar fiskal Islam sebenarnya memberi tumpuan kepada peranan zakat sebagai alat untuk penyelarasan semula pendapatan dalam ekonomi. Ia merupakan sebahagian daripada kerangka dasar sosioekonomi yang bertujuan untuk mencapai keadilan dan ekuiti, meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi, dan merangsang pertumbuhan ekonomi. (Faridi 1983; Sadeq 1998; Ali 2016; Habib 2019).

Sehingga 04 Oktober 2023 sebanyak 6,960,783 jumlah kematian global akibat pandemik COVID-19 telah dicatatkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO, 2023). Kematian disebabkan pandemik wabak COVID-19 memberi impak besar yang negatif bukan hanya dalam aspek kesihatan, tetapi juga dalam dimensi aspek kemanusiaan dan ekonomi global. (Isa & Rahayu, 2021). Namun pada 15 Disember 2021, Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan fasa awal endemik atas pengumuman Titah Perutusan Khas Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Jabatan Perdana Menteri, 2021). Tidak dapat disangkal bahawa sehingga kini, Brunei menghadapi cabaran yang ketara terhadap kedudukan fiskal negara. Selain terjejas oleh kesan pandemik COVID-19, cabaran-cabaran ini juga timbul akibat ketidakpastian harga minyak dunia, yang telah memberikan impak yang besar terhadap pendapatan Kerajaan (Dato Dr Amin Liew, 2021). Perlu diingatkan bahawa Negara Brunei Darussalam sangat bergantung kepada sektor eksport minyak dan gas mentah, yang membentuk kira-kira 80 peratus daripada pendapatan Kerajaan. (Hanizah, 2009).

Kajian ini akan meneliti alat dasar fiskal dan implikasi Islam ke atasnya, serta pelaksanaannya di Negara Brunei Darussalam selepas pemulihan pandemik COVID-19. Objektif kajian ini untuk menilai dan melihat sejauh manakah pemulihan selepas pandemik ini telah mempengaruhi pelaksanaan prinsip-prinsip Islam melalui dasar fiskal negara.

KAJIAN LITERATUR

Apabila membincangkan aspek dasar ekonomi khususnya teori dan kepentingan dasar fiskal sesebuah negara, terdapat pelbagai kajian lepas yang telah dilakukan, ini termasuk sistem fiskal yang berdasarkan prinsip konvensional dan Islam. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian literatur yang melibatkan dasar fiskal di Negara Brunei Darussalam, sama ada sebelum atau selepas pandemik COVID-19, maklumatnya agak sukar untuk dijumpai. Biasanya, kajian berkaitan dengan dasar Kerajaan termasuk dasar ekonomi tempatan selalu dikendalikan oleh Pusat Kajian Strategik dan Dasar Brunei (CSPS). Namun demikian, kajian mengenai pemantapan fiskal di Negara Brunei Darussalam masih dalam proses kajian oleh CSPS sehingga kini. Oleh itu, untuk kajian ini, maklumat mengenai dasar fiskal Brunei Darussalam selepas pandemik COVID-19 akan diperoleh melalui laporan-laporan dan sumber maklumat dari laman sesawang rasmi yang diiktiraf.

Konsep Dasar Fiskal Konvensional Dan Kepentingannya Dalam Pembangunan Sosioekonomi Negara

Kajian Rosaria (2019) bertajuk “*The Evolution of Fiscal Policy Theory and The Eurozone*” mengupas evolusi teori dan pengaruh prinsip dasar fiskal yang telah diamalkan selepas Perang Dunia Kedua hingga ke hari ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa teori dasar fiskal asas telah berkembang dari teori Keynesian ke pendekatan intertemporal yang lebih kontemporari. Selain itu, kajian ini menerangkan bahawa dasar fiskal bukan sekadar untuk mencapai pendapatan kerajaan dalam jangka pendek, tetapi ia juga memberi kesan positif dalam jangka masa panjang terhadap potensi keluaran ekonomi.

Kajian Oana et al. (2023) yang bertajuk “*Is Fiscal Policy One of the Most Important Socio-Economic Drivers for Entrepreneurial Activities in Europe Union Countries?*” kajian ini menyorot sejauh mana dasar fiskal mempengaruhi persekitaran keusahawanan, ia terbukti menjadi pemangkin pembangunan dan cara untuk mengurangkan ketidaksetaraan sosial serta meningkatkan kesejahteraan. Kajian ini juga memberi beberapa cadangan agar Kerajaan boleh mendorong peluang keusahawanan melalui perundangan cukai yang selari dengan peraturan EU, beban regulasi yang ringan, dan dasar-dasar yang menggalakkan persaingan, cukai yang lebih rendah, peningkatan ketelusan, dan akses terbuka bagi semua perniagaan.

Kajian Lativa (2021) yang bertajuk “*Analisis Kebijakan Fiskal Indonesia Masa Pandemi COVID-19 Dalam Meningkatkan Perekonomian*” menerangkan bahawa pandemik wabak COVID-19 telah memberi kesan yang signifikan negatif terhadap ekonomi Indonesia. Kerajaan Indonesia telah menjalankan pelbagai usaha untuk memperbaiki ekonomi mereka yang mengalami resesi. Antara tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut adalah insentif dasar fiskal. Kajian beliau juga mendapati beberapa alternatif yang dijalankan oleh kerajaan seperti pelancaran Program Pemulihan Ekonomi Nasional, yang mana program ini direka untuk melindungi, mengekalkan dan meningkatkan kapasiti ekonomi pelaku bagi para keusahawanan dan menjalankan perniagaan mereka semasa pandemik tersebut. Selain daripada itu, Indonesia juga memfokuskan semula bajet kerajaan sebagai tindakan efisiensi dalam perbelanjaan negara serta insentif cukai untuk meringankan beban pembayar cukai.

Konsep Dasar Fiskal Islam Dan Kepentingannya Dalam Pembangunan Sosioekonomi Negara Islam

Menurut Ziauddin (1989), dalam kertas kerja IMF beliau yang bertajuk “*Public Finance in Islam*”, pendekatan Islam terhadap ekonomi negara adalah topik yang telah dibincangkan secara meluas sepanjang sejarah. Cendekiawan atau ahli ekonomi Islam merujuk kepada prinsip-prinsip yang diperolehi daripada al-Quran dan as-Sunnah untuk menggariskan dasar-dasar dalam pelbagai aspek kehidupan manusia, termasuk dalam ekonomi Islam. Mereka telah menekankan bahawa prinsip-prinsip ini adalah tetap dan tidak boleh diubah pada sebarang masa. Walau bagaimanapun, dalam Islam, terdapat ruang yang luas untuk menggunakan ijtihad, untuk menyelesaikan isu-isu kontemporari yang muncul. Kaedah-kaedah ijtihad termasuk qiyas, istislah, dan al-masalih al-mursalah. Menurut beliau lagi, objektif utama dasar fiskal dalam Islam adalah untuk mengelakkan ketidakadilan dalam pembahagian keuntungan dan harta benda dalam masyarakat.

Kajian Ali (2016) bertajuk "*Konsep Fiskal Islam Dalam Perspektif Historis*" menjelaskan bahawa konsep dasar fiskal tidak sinonim dengan konsep percukaaian Islam. Sebaliknya, dasar fiskal pada zaman ini terbentuk disebabkan mekanisme pasaran yang gagal. Walaupun begitu, amalan dasar fiskal dalam zaman fasa awal Islam terbentuk sebagai satu misi perwakilan praktikal dalam sistem ekonomi yang berpandukan prinsip Islam, keadilan, dan pembahagian harta. Beberapa alat dasar fiskal Islam yang digunakan pada masa itu termasuklah Jizyah, Kharraj, dan Ghanimah dan lain-lain. Dasar fiskal Islam adalah penting untuk mencapai keadilan pembahagian harta kepada kebajikan masyarakat dan menstabilkan perekonomian negara.

Kajian A.H.M Sadeq (1988) yang bertajuk “*Islamic Perspective on Monetary and Fiscal Policies and Their Implications for Economic Developments*” membincangkan perspektif Islam terhadap dasar-dasar ekonomi iaitu monetari dan fiskal. Negara-negara Islam pada masa ini memiliki semua alat fiskal konvensional yang tersedia, tetapi penggunaan dan implikasinya mungkin berbeza. Kajian beliau juga mendapati bahawa terdapat perdebatan mengenai soal amalan percukaaian semasa, dan Syariah tidak nampaknya menghalang pengenaan cukai kerana ia diperlukan dalam konteks semasa dan oleh itu, kebanyakan ahli ekonomi Islam menganggapnya secara positif. Selain itu, negara-negara Islam memiliki sumber pendapatan unik yang tersedia, iaitu institusi Zakat iaitu Baitul Mal. Kebanyakan kajian dalam bidang ekonomi Islam melihatnya sebagai alat dasar fiskal yang efektif.

Kajian Oktivany et al. (2023) yang bertajuk "*Konsep Kebijakan Fiskal dalam Perspektif Ekonomi Islam*" menjelaskan bahawa dalam ekonomi Islam, prinsip dasar fiskal ditekankan untuk mencapai kesejahteraan umat berdasarkan nilai-nilai Islam dan kepentingan bersama. Tambahan pula, ekonomi Islam melarang sepenuhnya amalan penimbunan dan pembahagian harta. Oleh itu, dasar fiskal diterapkan untuk mempromosikan pertumbuhan ekonomi negara.

METODOLOGI

Artikel ilmiah ini merupakan satu kajian kualitatif yang melibatkan analisis kandungan dan disusun secara deskriptif. Pendekatan kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan, yang melibatkan pengumpulan data melalui sumber-sumber ilmiah seperti buku, jurnal, kertas kerja, kertas pembentangan, laporan tahunan, dan laman sesawang rasmi yang diiktiraf yang berkaitan dengan dasar fiskal di Brunei semasa pemulihan pandemik COVID-19, serta perspektif Islam dalam alat dasar fiskal dan implikasinya terhadap perkembangan ekonomi.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

ALAT DASAR FISKAL SEMASA ZAMAN AWAL ISLAM

Sistem fiskal telah menjadi amalan sejak terbentuknya masyarakat Islam, bermula sejak zaman Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* dan Khulafa al-Rasyidin, dan seterusnya dikembangkan oleh para ulama (Ali, 2016). Sebagai contoh, Ibnu Khaldun berpendapat bahawa untuk mencapai matlamat dalam menyeimbangkan ekonomi negara, kerajaan perlu mengurangkan pemungutan cukai dan meningkatkan perbelanjaan kerajaan, disebabkan kerajaan adalah institusi pasaran terbesar (Ibnu Khaldun, 2019).

Dasar fiskal Islam merupakan salah satu alat penting untuk menjaga kestabilan ekonomi negara dan merupakan mekanisme untuk mencapai *maqasid al-Syariah*. Kepentingan dasar fiskal muncul kerana adanya larangan riba dan tanggungjawab setiap orang-orang Islam untuk memberi zakat. Dalam konteks ekonomi masa kini, negara-negara Islam mengamalkan dasar-dasar monetari dan fiskal untuk menjaga kestabilan ekonomi negara, walaupun dasar fiskal memainkan peranan yang lebih penting berbanding dengan dasar monetari. Ini terbukti semasa zaman Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam*, di mana larangan riba dimulai pada tahun ke-4 Hijrah, menunjukkan bahawa Baginda hanya bergantung kepada dasar fiskal (Mustafa et al, 2006). Di Zaman Baginda Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam*, alat-alat atau sumber dasar fiskal yang diterapkan semasa pemerintahan Baginda adalah di bawah institusi zakat atau Baitul Mal yang meliputi:

4.1.1. Zakat

Zakat fitrah dan zakat harta yang diwajibkan pada tahun 2 dan tahun 9 Hijrah melibatkan pengumpulan dalam bentuk wang, hasil penternakan, dan hasil pertanian. Nisab zakat untuk wang dinar dan dirham adalah masing-masing sebanyak 20 dinar dan 200 dirham, dengan zakat sebanyak 2.5% dari jumlah tersebut. Zakat penternakan dikenakan dengan kadar yang menurun seiring dengan peningkatan jumlah haiwan yang dipelihara, dengan pengukuran yang berbeza untuk setiap jenis haiwan. Zakat pertanian menggunakan kadar tetap yang berbeza bergantung pada jenis pengairannya. Ini disebabkan hasil pertanian cenderung cepat rosak, dan jika hasilnya berlimpah, risiko kerosakan barang yang dihasilkan. Pengeluaran zakat diatur dalam Al-Quran dalam Surah Al-Taubah ayat 60 dan tidak boleh digunakan untuk perbelanjaan umum negara. (Adiwarman, 2010; Misanam et al, 2012; Ali, 2016; Maftuha et al, 2021).

4.1.2. Ghanimah

Pada awal zaman Islam, wilayah pertama negara Islam mengalami pertumbuhan yang signifikan. Ghanimah yakni barang rampasan perang merupakan salah satu sumber pendapatan fiskal yang penting pada awal zaman Islam. Sebanyak satu perlima daripada ghanimah tersebut diperuntukkan kepada negara, manakala empat perlima biasanya diagihkan kepada para pejuang. Beban rampasan yang diserahkan oleh pihak musuh tanpa pertempuran sebenar, dikenali sebagai 'fai', adalah hak eksklusif negara. (Ziauddin, 1989).

4.1.3. Kharraj

Kharraj adalah cukai yang dikutip daripada penduduk bukan Islam ketika Khaibar ditaklukan pada tahun ke-7 Hijrah. Penduduk Khaibar sebelum itu sering menyerang orang-orang Islam. Selepas pertempuran berlangsung selama sebulan, mereka menyerah dan menawarkan untuk terlibat dalam pertanian dan penanaman kurma dengan syarat mereka dapat terus tinggal di wilayah mereka. Baginda Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* menerima tawaran tersebut. Walau bagaimanapun, tanah mereka akan menjadi milik orang Islam, dan pemilik asal akan menguruskan tanah sebagai alternatif kepada sewaan, sambil memberikan sebahagian hasil pertanian kepada negara. Jumlah cukai kharraj yang dikenakan ke atas tanah mereka adalah setengah daripada hasil pertanian. Konsep kharraj ini boleh diibaratkan seperti konsep cukai tanah dan bangunan yang dikenakan kepada penduduk, tanpa mengira agama, dalam konteks masa kini (Misanam et al, 2012; Ali, 2016). Menurut Ziauddin (1989), kharraj melibatkan faktor-faktor seperti kualiti tanah, jenis tanaman yang ditanam, dan kaedah pengelolaan tanah.

4.1.4. Jizyah

Jizyah merupakan hasil pungutan cukai atau sumbangan kewangan per kapita yang dijangka daripada orang bukan Islam khususnya ahli kitab untuk menyediakan kemudahan dan perlindungan yang mereka nikmati dalam sebuah negara Islam tanpa diwajibkan untuk berperang untuk pertahanan negara tersebut, ini termasuklah perlindungan jiwa, harta, kekayaan, amalan, budaya dan pertahanan mereka. (Ziauddin 1989, Misanam et al, 2012; Ali, 2016). Semasa Zaman Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, Orang-orang bukan Islam dewasa yang mampu dikenakan bayaran sebanyak satu dinar per tahun atau alternatif lain seperti harta tertentu ataupun perkhidmatan. Jizyah, walau bagaimanapun, tidak akan dikenakan ke atas perempuan, kanak-kanak, orang miskin, ahli kitab, orang tua, pesakit kecelaruan mental dan penyakit-penyakit lain. (Sabzwari, 2000).

4.1.5. 'Usyur

'Usyur adalah cukai harta perniagaan yang dikenakan ke atas dari orang-orang yang bukan Islam iaitu kaum Zimmah dan kaum Harbi yang merentas pembatasan negara khalifah. Dalam erti kata lain cukai yang dikenakan ke atas barangan perdagangan import dan eksport. (Ahmad, 1997; Abdul 2002; Hidayati, 2018).

4.1.6. Sumbangan tabarru'

Pada zaman Baginda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, terdapat pelbagai alat fiskal lain yang digunakan untuk pertumbuhan ekonomi, contohnya adalah pelbagai jenis sumbangan tabarru'. Sebagai contoh, wakaf adalah satu konsep yang telah wujud sebelum zaman Baginda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, seperti dalam pembangunan Masjidil Haram dan Masjid al-Aqsa, tempat-tempat ibadah ini telah wujud sebelum Baginda Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* diutus sebagai rasul dan tidak ada pemilik untuk tempat-tempat tersebut. Ini menunjukkan bahawa wakaf sudah ada sejak zaman itu. Namun, wakaf secara rasmi disyariatkan pada tahun 2 Hijriah. Pada tahun 3 Hijriah, Baginda Rasulullah *sallallahu*

'alaihi wasallam sendiri telah mewakafkan tujuh buah kebun kurma di Madinah, termasuk kebun A'raf, Shafiyah, Dalal, Barqah, dan lain-lain (Choirun, 2017).

4.1.7. Penerimaan Lain

Penerima lain termasuk denda kafarat yang dikenakan kepada suami dan isteri yang melakukan persetubuhan di siang hari pada bulan puasa. Denda ini akan menjadi sebahagian daripada pendapatan negara. Selain itu, situasi harta waris di mana tiada waris yang sah juga akan disumbangkan kepada pendapatan negara. (Deliarnov; 2003; Ali, 2016; Maftuha et al, 2021).

ALAT DASAR FISKAL DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SELEPAS PANDEMIK COVID-19

Negara Brunei Darussalam, yang juga dikenali sebagai Negara Dzikir, merupakan sebuah negara Islam dengan kepadatan penduduk yang rendah, dihuni oleh masyarakat dengan pelbagai kepercayaan agama, di mana majoriti daripadanya adalah penganut agama Islam. Negara ini meyakini dan mengamalkan falsafah tersendiri iaitu Melayu Islam Beraja (Fatin, 2020; Wasiah & Fitri, 2020)

Brunei juga telah menetapkan wawasan khas untuk masa depan, iaitu Wawasan Brunei 2035. Salah satu matlamat wawasan tersebut adalah “Ekonomi yang Dinamik dan Daya Tahan” iaitu menjadi antara 10 negara teratas yang mempunyai keluaran KDNK per kapita tertinggi di dunia (Jabatan Perdana Menteri, 2023). Dalam matlamat tersebut bidang-bidang yang diutamakan bagi mencapai setiap hasil pencapaian meliputi:

1. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berdaya tahan iaitu dengan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti pengeluaran dan produktiviti serta pelaburan;
2. Kepelbagaian ekonomi seperti kepelbagaian sektor, eksport dan meluaskan asas hasil;
3. Tahap pengangguran yang rendah dengan penjanaaan pekerjaan dan mobiliti tenaga kerja; dan
4. Kestabilan ekonomi melalui faktor kestabilan harga, imbalan luar, kestabilan fiskal dan kewangan.

Wawasan ini juga memerlukan penyertaan yang pro-aktif daripada masyarakat Brunei. Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan Baginda sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-33 pada tahun 2017 telah mendorong semua warganegara untuk bersama-sama menjayakan matlamat ini:

“Tidaklah wajar membiarkan Wawasan ini sebagai satu retorik intelektual semata-mata, yang cuma indah dalam sebutan, tetapi kita mesti melaksanakannya dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh. Kita perlu bertindak lebih tangkas bagi menghasilkan impak yang tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara.” (Titah Perutusan Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sambutan

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-33 Tahun
2017)

Walau bagaimanapun, penglibatan masyarakat dalam usaha Kerajaan Brunei telah terganggu dan merosot apabila Negara ini menghadapi kes pertama COVID-19 pada 9 Mac 2020. Sehingga 4 Januari 2023, lebih daripada 260,000 kes positif COVID-19 telah disahkan, dengan 225 kematian, dilaporkan di negara ini (Wei et al, 2023). Cabaran pandemik COVID-19 bukan sahaja memberi kesan negatif terhadap aspek kesihatan masyarakat Brunei, malah ia juga mencabar kedudukan fiskal negara. Memandangkan Brunei bergantung 80 peratus pendapatan melalui sektor eksport minyak dan gas mentah, iaitu sumber hidrokarbon, negara ini menjadi mudah menghadapi cabaran besar kepada ketidakstabilan ekonomi global. Di samping itu, dalam konteks pandemik yang mencipta ketidakpastian dalam harga minyak global, situasi ini memberi kesan besar terhadap kehidupan rakyat di Brunei. (Jabatan Perdana Menteri, 2023; Dato Dr Amin Liew, 2021; Hanizah, 2009)

Gangguan dan kemerosotan ini menjadi satu kebimbangan oleh masyarakat dan Kerajaan Brunei Darussalam kerana ia dapat memberi cabaran besar untuk mencapainya aspirasi Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Wawasan Brunei 2035:

“Wawasan Brunei 2035 adalah merupakan aspirasi Beta sendiri bagi melihat pembangunan negara berjalan lancar. Pada awalnya Wawasan diterbitkan melalui Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang bagi merancang pembangunan negara dalam tempoh 30 tahun ke hadapan. Beta difahamkan pelbagai usaha sudah pun dijalankan bagi merealisasikan Wawasan 2035 ini. Namun persoalannya, sejauh manakah usaha telah berhasil sedang tempoh cuma tinggal 12 tahun sahaja lagi.” (Petikan Titah Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 Kali Pertama bagi Tahun 2023 pada 30 Rejab 1444 bersamaan 21 Februari 2023).

Implikasi Pandemik Covid-19 Terhadap Ekonomi Brunei Darussalam

Dalam menghadapi pandemik COVID-19, ekonomi Brunei mengalami defisit sebanyak 1.6% pada tahun 2021. Sektor Bukan Minyak dan Gas mengalami peningkatan sebanyak 2.0%, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan aktiviti hiliran dalam Sektor Pengeluaran Produk Petroleum dan Kimia serta Sektor Perikanan. Sebaliknya, Sektor Minyak dan Gas mencatatkan penurunan sebanyak 4.8% akibat penurunan dalam pengeluaran minyak mentah dan gas. (Majlis Tertinggi Wawasan 2035, 2023).

Pada tahun 2022, IMF telah mengeluarkan kenyataan bahawa Brunei sedang berada dalam pemulihan daripada pandemik. Walau bagaimanapun, pemulihan telah terhalang oleh pengurangan pengeluaran sektor Minyak dan Gas. Tetapi ini digantikan oleh pertumbuhan dalam aktiviti hiliran minyak dan gas dan pelbagai sektor ini termasuk Projek Loji Penapisan Minyak dan Petrokimia Hengyi di Pulau Muara Besar bagi Fasa Pertama dan kilang Brunei

Fertilizer Industries yang akan mula menghasilkan urea pada permulaan tahun 2022. Manakala pasaran buruh menunjukkan hasil yang semakin baik, walaupun kebanyakan pekerjaan menjana berpendapatan rendah. Namun, kadar inflasi meningkat kepada 3.7 tetapi pada masa ini dalam keadaan stabil, dengan kadar pertukaran yang stabil membantu untuk mengurangkan kesan inflasi barangan import. Kedudukan fiskal dan akaun semasa telah bertambah baik, masing-masing sebanyak 1.6 dan 19.6 peratus, didorong oleh harga minyak dan gas yang lebih tinggi dan peningkatan eksport daripada sektor hiliran. Sektor perbankan kekal stabil, cair, dan bersih modal dengan penurunan pinjaman yang tidak berjaya, sementara pinjaman domestik menunjukkan tanda-tanda pemulihan, terutamanya dalam sektor korporat. Walau bagaimanapun, kebergantungan yang berterusan terhadap sektor tunggal iaitu Sektor Perlombongan Minyak dan Gas, di samping menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim sejagat yang semakin meningkat, wabak-wabak penyakit dan ketidakpastian dalam pasaran komoditi seperti minyak, emas, dan komoditi perlombongan lain, berpotensi memberikan kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan dan kualiti kehidupan penduduk dunia, terutamanya dari segi kesihatan dan aspek sosioekonomi. (IMF, 2023; Majlis tertinggi Wawasan 2035, 2023).

Manakala bagi tahun 2023, pemulihan akan dijangka tidak sekata dan ketidakpastian sekitar prospek yang tinggi. Pertumbuhan dijangka akan menyusut sekitar 1 peratus akibat penurunan pengeluaran minyak dan gas terutamanya disebabkan oleh penangguhan penyelenggaraan infrastruktur dalam sektor minyak dan gas berkenaan. Namun, pemulihan dalam sektor pelbagai selain minyak dan gas akan terus memberi sumbangan yang positif dalam membantu usaha-usaha untuk menjana pelbagai sumber pendapatan. Inflasi dijangka akan merosot kepada 1.7 peratus, dengan pelonggaran sesak rangkaian bekalan global dan normalisasi harga komoditi. Keseluruhan kedudukan fiskal dan luaran dijangka akan melemahkan kepada defisit kira-kira -9 peratus dan lebih sebanyak 10.6 peratus daripada KDNK masing-masing dalam masa jangka sederhana di tahun 2023. Cabaran utama yang akan datang termasuk pengecilan ruang fiskal secara beransur-ansur, keperluan untuk melindungi ekonomi daripada ketidakstabilan sektor minyak dan, tekanan dekarbonisasi global, dan memastikan kesaksamaan antara generasi.

Risiko, seperti aktiviti penyelenggaraan minyak dan gas yang berpanjangan dan persekitaran luaran yang kurang menguntungkan boleh menghalang pemulihan, sementara harga minyak dan gas yang lebih tinggi boleh memberikan peluang ke atasnya (IMF, 2023).

Kedudukan Dasar Fiskal Ekonomi Brunei Darussalam Selepas Pandemik

Dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Ke-19 Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah (Dato Dr Amin Liew), Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengongsikan kedudukan dasar fiskal Kerajaan selepas pandemik iaitu pada sesi 2021/2022, 2022/2023, dan 2023/2024. Jadual 1.0 Berikut menunjukkan hasil pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan Brunei Bagi Tahu Kewangan 2021 sehingga 2024.

Jadual 1.0: *Kedudukan Dasar Fiskal Negara Brunei Darussalam
Bagi Tahun Kewangan 2021/2022, 2022/2023, 2023/2024. (Sumber: Majlis Mesyuarat Negara, 2023)*

Hasil Alat Dasar Fiskal	2021/2022	2022/2023	2023/2024
Hasil Pendapatan (BND)	4.77 Billion	6.0 Billion*	2.99 Billion**
Hasil Perbelanjaan (BND)	5.78 Billion	5.9 Billion*	5.96 Billion***
Jumlah (BND)	-1.01 Billion	+0.1 Billion*	-2.97 Billion****

* Masih dalam jangkaan Setakat 06 Mac 2023


** Masih dalam jangkaan Setakat 06 Mac 2023

*** Cadangan Setakat 06 Mac 2023

**** Masih dalam jangkaan Setakat 06 Mac 2023

Kedudukan dasar fiskal di Brunei selepas Pandemik dapat dilihat melalui Jadual 1.0 di atas. Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan defisit berjumlah \$1.01 bilion pada Tahun Kewangan 2021/2022. Walau bagaimanapun, Kerajaan Brunei menjangkakan akan mencapai surplus belanjawan yang sedikit pada Tahun Kewangan 2022/2023. Dato Dr. Amin Liew (2023) telah berkongsi jangkaan arah ekonomi dunia masa kini dengan mengambil kira tahap pengeluaran minyak negara. Anggaran hasil Kerajaan untuk Tahun Kewangan 2023/2024 dijangkakan berjumlah BND 2.99 bilion, dengan BND 2.03 bilion daripadanya berasal dari sektor minyak dan gas dan BND 952.37 juta dari sektor bukan minyak dan gas.

Oleh itu, jika merujuk kepada Rajah 1.0 di atas, berdasarkan anggaran hasil dan perbelanjaan yang dinyatakan, Kerajaan dijangkakan akan menghadapi defisit belanjawan sekitar \$2.97 bilion. Jangkaan ini, walau bagaimanapun, tertakluk kepada beberapa faktor luaran dan dalaman seperti penularan varian-varian COVID-19 terbaru, tekanan geopolitik yang berterusan yang berpotensi mengganggu rantai bekalan dan menyebabkan inflasi yang tinggi, risiko kemelesetan ekonomi global, serta ketidakpastian dalam pasaran minyak dan gas dunia serta tahap pengeluaran minyak dan gas negara (Dato Dr. Amin Liew, 2023). Rajah 1.0 di bawah menunjukkan alat-alat dasar fiskal yang digunakan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam selepas pandemik:



Rajah 1.0: *Alat-Alat Dasar Fiskal Negara Brunei Darussalam Selepas Pandemik.*
(Majlis Mesyuarat Negara, 2023)

5.3 Kedudukan Institusi Zakat Dalam Ekonomi Negara Brunei Darussalam

Walaupun dasar fiskal pada zaman awal Islam ditadbir oleh institusi zakat atau Baitul Mal, namun kerajaan Brunei telah mengasingkan zakat daripada dasar fiskal. Ini kerana zakat adalah sebahagian daripada penerimaan hasil yang hanya terhad pada individu beragama Islam. Pengasingan khas ini diperuntukkan dalam Perkara 69, Bahagian VIII di bawah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Jadual 2.0 di bawah menunjukkan butiran peruntukan tersebut.

Jadual 2.0: Bahagian VIII - Kewangan, *Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.*
(Sumber: Abdul Ghafar et al, 2019).

Perkara	Keterangan
58	Kumpulan Wang Yang Disatukan – semua hasil dan wang walau bagaimana sekalididapati atau diterima oleh kerajaan dari apa jua sumber pun hendaklah tertakluk kepada Perlembagaan ini dan sebarang undang-undang bertulis, dimasukkan ke dalam dan dijadikan satu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Yang Disatukan”.
59	Perbelanjaan terhadap “Kumpulan Wang Yang Disatukan” harus dianggarkan.
60	Anggaran wang masuk dan permbelanjaan harus dibentangkan.
67	Kuasa juruaudit agung untuk mengaudit item diatas.
69	Peruntukan-peruntukan Bahagian VII Perlembagaan Brunei Darussalam tidak boleh dikenakan kepada hasil-hasil dan wang-wang Tabung Ugama Islam.

Perkara 69 ini dengan jelas menunjukkan bahawa hasil dan dana yang berkaitan dengan agama Islam, seperti zakat dan wakaf, adalah dikecualikan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan. Dengan kata lain, Perkara 69 merupakan pengecualian terhadap alat-alat fiskal negara Brunei Darussalam dan tidak dianggap sebagai penghasilan kerajaan. (Pauziah, 2016; Abdul Ghafar et al, 2019).

ALAT DASAR FISKAL BRUNEI DARUSSALAM DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Sistem Fiskal Di Zaman Awal Islam Dan Brunei Darussalam Kini

Negara Islam Brunei Darussalam, zakat dan wakaf atau yang dikenali sebagai “Hasil-Hasil dan Wang-Wang Tabung Ugama Islam” bukanlah sumber utama dalam dasar fiskal ekonomi negara. Hal ini disebabkan oleh penetapan undang-undang Perkara 69, Bahagian VIII Kewangan, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, yang mengasingkan Hasil-Hasil dan Wang-Wang Tabung Ugama Islam daripada dijadikan sebagai alat dalam dasar fiskal negara. Sumber ini digunakan semata-mata untuk tujuan kesejahteraan dan bantuan orang Islam sahaja. Pengurusan Hasil-Hasil dan Wang-Wang Tabung Ugama Islam dikawal oleh Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitul Mal (JUZWAB), yang baharu saja dinaiktarafkan menjadi sebuah Jabatan pada 19 Julai 2023 yang mana sebelum ini merupakan hanya satu Bahagian di bawah Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei iaitu Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat. Matlamat dinaikkan taraf ke status Jabatan adalah untuk memastikan pengurusan wang zakat, termasuk kutipan dan pengagihannya dilaksanakan secara teratur dan efisien.

Pendapatan utama negara ini walau bagaimanapun, didominasi oleh sektor pengeluaran minyak dan gas, berbanding dengan sektor bukan gas yang termasuk cukai, yuran, caj, pendapatan pelaburan dan simpanan, serta hasil daripada badan-badan berkanun. Pendapatan ini digunakan untuk pelbagai tujuan seperti pembangunan negara, pembayaran gaji, elaun, perbelanjaan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, dan lain-lain. Pentadbiran dasar fiskal Negara Brunei Darussalam walau bagaimanapun, adalah dikawal oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Sebaliknya, zakat adalah salah satu komponen penting dalam sistem fiskal semasa zaman Baginda Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam*, dan sistem ini melibatkan pelbagai alat lain termasuk ghanimah, jizya, kharraj, ‘usyur, serta sumbangan tabarru’ seperti wakaf dan pendapatan lain. Sistem fiskal ini direka untuk membentuk kerangka minimum yang diperlukan untuk mencapai objektif sosioekonomi negara. Sebagai pemimpin negara, Baginda memberi keutamaan kepada perlindungan agama dan penyebaran Islam. Selain itu, Baginda menekankan pentingnya keamanan sosial dan keadilan distribusi dengan menggunakan sebahagian besar pendapatan negara untuk membantu golongan fakir miskin dan yang memerlukan bantuan khas. Pentadbiran dasar fiskal di zaman Baginda Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* adalah dikawal melalui sebuah lembaga institusi zakat yang dipanggil sebagai Baitul Mal (Ziauddin, 1989; Ahmad, 1997; Sabzwari, 2000; Abdul 2002; Deliarnov, 2003; Mustafa et al, 2006; Adiwarmar, 2010; Misanam et al, 2012; Ali, 2016; Choirun 2017; Hidayati, 2018; Ahyar, 2019; Maftuha et al, 2021.)

Cukai Sebagai Alat Dasar Fiskal Dalam Pendapatan Negara

Negara Brunei Darussalam mempunyai undang-undang cukai pendapatan yang terdapat di bawah Akta Cukai Pendapatan (Penggagal 35). Beberapa jenis cukai yang dikenakan termasuklah Cukai Pendapatan Petroleum, Cukai Pendapatan Koperasi, Cukai Pendapatan Syarikat, Cukai Pendapatan Perbadanan, Cukai Import Kastam dan Duti Eksais, Cukai Eksport, Cukai Pendapatan Perdagangan, Perniagaan atau Pekerjaan, Cukai Pendapatan daripada Pekerjaan, Cukai Tanah, Cukai Dividen, Faedah dan Diskaun, Cukai Pecen, Caj atau Pecen Tahunan, serta Cukai Sewa, Royalti, Premium, atau mana-mana keuntungan lain yang timbul daripada harta dan sebagainya (Kementerian kewangan dan Ekonomi, 2023). Perlu diketahui bahawa cukai ini dikenakan tidak mengira agama yang dianut oleh penduduk.

Menurut Hidayati (2018), dalam Perspektif Islam apabila cukai itu berkaitan dengan cukai perdagangan atau perniagaan ia merujuk kepada alat dasar fiskal ‘Usyur di zaman awal Islam. Terdapat beberapa pendapat pandangan mengenai ‘Usyur:

(a) ‘Usyur pedagang Islam:

Antara sandaran ketidakbolehan ini adalah melalui hadith Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* riwayat Muslim dan lainnya dalam kisah seorang wanita berzina, kemudian bertaubat dan melaksanakan hukum had kepadanya:

“Sesungguhnya dia telah bertaubat, yang jika petugas pajak bertaubat sepertinya nescaya dia akan diampuni oleh Allah”. (Riwayat Imam Muslim).

Para ulama telah menafsirkan bahawa petugas pajak atau cukai ini adalah orang yang memungut ‘usyur dari orang-orang Islam dan memungut secara paksa jika seseorang Islam melintasi wilayahnya. Namun jika sekiranya ‘usyur yang diambil dengan persetujuan melalui perjanjian perdagangan dengan negara lain, maka itu bukanlah bentuk pemaksaan (Hidayati, 2018).

(b) ‘Usyur pedagang Islam dan Kaum kafir Dzimmi:

Terdapat beberapa riwayat yang menunjukkan dilarangnya mengambil ‘usyur dari seorang muslim dan kafir Dzimmi, diantaranya adalah perkataan Ziyad bin Hudair kepada Umar Radhiallahu Anhu:

“Kami dahulu tidak mengambil ‘usyur dari seorang muslim ataupun kafir Dzimmi”. Umar berkata, *“Lalu siapa yang kamu ambil ‘usyur-nya?”* Ia menjawab, *“Para pedagang dari ahlul Harbi, sebagaimana mereka mengambil ‘usyur kepada kami jika kami datang ke negeri mereka”.*

Dalam riwayat lain Ziyad berkata,

“Dan dia melarangku mengambil ‘usyur kepada seorang Muslim, atau kafir Dzimmi yang menyerahkan kharraj”.

Hal ini karena seorang muslim tidak diwajibkan membayar 'usyur, dan tidak wajib pula membayar cukai atas barang dagangannya, kecuali membayar zakat, berupa 'usyur sebanyak 2.5 peratus. Dan ini bukanlah pajak atau 'usyur penuh. Dengan demikian, jelas bahawa maksud dari hadith Ibnu Umar dan hadis Ziyad bin Hudair, bahawa Umar tidak memungut 'usyur melainkan memungut zakat dagang dari kaum Muslim, dengan ketentuan 2.5 peratus 'usyur bukan 'usyur penuh. (Hidayati, 2018)

(c) 'Usyur pedagang kaum kafir Dzimmi:

Para ulama berbeza pendapat mengenai isu ini. Ulama dari Mazhab Syafi'i dan Ibnu Hazm berpendapat bahawa mengambil 'usyur daripada orang kafir Dzimmi adalah haram, kecuali jika disyaratkan dalam perjanjian damai. Namun, ulama Syafi'i membuat pengecualian bagi penduduk Hijaz, di mana mereka dibenarkan mengenakan 'usyur ke atas dagangan orang kafir Dzimmi yang memasuki kawasan tersebut. Mazhab Maliki berpendapat bahawa wajib mengenakan 'usyur ke atas dagangan orang kafir Dzimmi jika mereka melintasi sempadan wilayah, kecuali jika dagangan itu berlaku di wilayah mereka sendiri, maka tidak perlu dikenakan 'usyur. Ulama Mazhab Hanafi dan Hambali pula berpendapat bahawa adalah boleh atau dibenarkan mengenakan 'usyur ke atas dagangan pedagang kafir Dzimmi tanpa sebarang syarat sama ada mereka berada di dalam atau di luar wilayah (Jaribah, 2006; Hidayati, 2018).

(d) 'Usyur pedagang kaum Kafir Harbi:

Ahli Fiqh hampir sepakat secara global mengenai kebenaran mengenakan 'usyur ke atas perdagangan orang kafir Harbi, sama ada mereka memasuki wilayah orang-orang Islam dengan membawa dagangan atau keluar daripadanya dengan membawa dagangan. Namun, ulama Mazhab Syafi'i dan Ibnu Hazm, seperti dalam kes kafir Dzimmi, berpendapat bahawa jika seorang kafir Harbi memasuki wilayah Islam dengan membawa dagangan dan telah menjamin keselamatannya, maka tidak sepatutnya mengenakan sebarang caj ke atas dagangan mereka, kecuali jika ini disyaratkan dalam perjanjian keselamatan. (Hidayati, 2018).

KESIMPULAN

Kajian ini menekankan peranan penting alat dasar fiskal dalam pertumbuhan ekonomi, terutamanya dalam konteks Islam dan dengan tumpuan khusus kepada keadaan selepas pandemik di Negara Brunei Darussalam. Apabila kita menyelidiki zaman awal Islam semasa pemerintahan Baginda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, kita memahami bahawa dasar fiskal diterajui melalui institusi zakat yang dikenali sebagai Baitul Mal. Zakat berperanan sebagai sumber utama pendapatan fiskal. Selain itu, pelbagai alat dasar fiskal yang lain digunakan sebagai sumber ekonomi negara, termasuk ghanimah, jizya, kharraj, 'usyur, sumbangan tabarru' seperti wakaf, dan pendapatan yang lain yang dikelola dalam pentadbiran Baginda. Dana zakat digunakan untuk tujuan perlindungan agama dan penyebaran Islam, dengan penekanan yang tinggi pada keamanan sosial dan keadilan distribusi, serta memberi bantuan kepada golongan fakir dan miskin.

Walaupun Negara Brunei Darussalam tidak bergantung kepada pendapatan zakat sebagai alat utama dasar fiskal, ia telah memisahkan zakat melalui peruntukan dalam perlembagaan untuk disalurkan secara eksklusif kepada orang Islam yang memerlukan. Pendapatan utama dalam dasar fiskal negara kini terutamanya berasal daripada sektor minyak dan gas, berbeza dengan

sektor bukan gas yang merangkumi cukai, yuran, caj, pendapatan pelaburan dan simpanan, serta hasil daripada badan-badan berkanun. Pendapatan ini digunakan untuk pelbagai tujuan, termasuk pembangunan negara, pembayaran gaji, elaun, perbelanjaan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, dan lain-lain. Namun, pengurusan dasar fiskal Negara Brunei Darussalam kini ditadbir oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Negara Brunei Darussalam juga menggunakan cukai sebagai alat pendapatan dasar fiskal, dan ia tidak mengambil kira agama yang dianuti oleh penduduknya. Pengkaji telah menjelaskan pendapat ulama dan hasil kajian berkaitan perkara ini. Pada masa ini, Negara Brunei Darussalam sedang menjalani proses pemulihan selepas pandemik COVID-19, di mana kedudukan dasar fiskal negara telah terjejas akibat kesan pandemik dan ketidakstabilan harga minyak dan gas secara global. Dengan itu, pengkaji berharap kajian ini dapat memberikan pandangan berguna mengenai perbezaan dan kepentingan antara Islam dan Negara Brunei dalam pengurusan dasar fiskal serta dapat memberikan panduan untuk kajian bagi para penyelidik masa depan.

RUJUKAN

- A.H.M Sadeq. (1988). Islamic Perspective on Monetary and Fiscal Policies and Their Implications for Economic Developments. *Analisis*, 3, 123-140.
- Abdul Ghafar Ismail, Muhammad Hasbi Zaenal, & Nurfaradilla Haron. (2019). Perundangan Zakat Di Negara Brunei Darussalam: Kesannya Kepada Kelakuan Individu dan Kerangka Institusi Zakat. *IESTAC Working Paper Series 11*. Organization of Islamic Economic Studies and Thoughts.
- Abdul Qadim Zallum. (2002). *Sistem Keuangan di Negara Khilafah*. Terjemahan Ahmad S. dkk. Bogor: Pustaka Thariqul Izzah.
- Adiwarman A. Karim. (2010). *Ekonomi Makro Islami*. Edisi Ke-3. Jakarta: Rajawali Pers.
- Ahmad Warson Munawwir. (1997). *Al-Munawwir Kamus Arab-Indonesia*. Surabaya: Pustaka Progresif
- Ali Murthadho. (2013). Konsep Islam Dalam Perspektif Historis. *Economica Jurnal Ekonomi Islam*, 4(1), 33-39.
- Choirun Nissa. (2017). Sejarah, Dasar Hukum dan Macam-Macam Wakaf. *Tazkiya Jurnal Keislaman, Kemasyarakatan & Kebudayaan*, 18(2). 205-219.
- Cynthia Oktivany, Fadilah Agustria, Sofya Tika, & Faisal Hidayat. (2023). Konsep Kebijakan Fiskal Pada Konteks Perspektif Ekonomi Islam, *Freakonomics*, 4 (1). 20-36.
- Dato Dr Amin Liew. (2021). Kementerian Kewangan dan Ekonomi Pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan 2021/2022 Majlis Mesyuarat Negara 2021. Dalam *Laporan Penuh (Hansard) Mesyuarat Pertama Dari Majlis Permesyuaratan Tujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam 1442/2021*. Jabatan Majlis Mesyuarat Negara, Brunei Darussalam
- Dato Dr Amin Liew. (2023). Kementerian Kewangan dan Ekonomi Pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan 2023/2024 Majlis Mesyuarat Negara 2023. Dalam *Laporan Penuh (Hansard) Mesyuarat Pertama Dari Majlis Permesyuaratan Sembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam 1444/2023*. Jabatan Majlis Mesyuarat Negara, Brunei Darussalam
- Faridi F.R. (1983) A Theory of Fiscal Policy in an Islamic State. Dalam Ziauddin Ahmed, Munawar Iqbal, & M. Fahim Khan (Eds.). (1983). *Fiscal Policy and Resource*

- Allocation in Islam*. (pp. 23-38). Islamabad, Pakistan: Institute of Policy Studies & International Centre for Research in Islamic Economics.
- Fatin Rabia'tul Adawiyah Mohammed Fareed. (2020). The Role of Islam in the Management and Administration of Brunei Darussalam. *Jurnal Kajian Peradaban Islam*, 3(2). 45-49.
- Habib Ahmed. (2019). Fiscal Policy and Deficit Financing: Islamic Perspectives. *Journal of King Abdulaziz University- Islamic Economics*, 32(1), 79-85.
- Hajah Pauziah Abdullah. (2016). Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. *Public's Law Seminar: Understanding the Law 26th and 27th October 2016*. Attorney General Chamber Brunei.
- Hanzah Idris. (2009). "Kebergantungan Kepada Sumber Minyak" Mampukah Negara Brunei Darussalam Mempelbagaikan Ekonominya. *Borneo Research Journal* 2009, 3, 17-30.
- Ibn Khaldun. (2019). *Mukaddimah*. Edisi Terjemahan Lengkap. Pustaka Al-Kautsar.
- International Monetary Fund (IMF). 2023. *IMF Executive Board Concludes 2023 Article IV Consultation with Brunei Darussalam*. Diperolehi daripada: <<https://www.imf.org/en/News/Articles/2023/10/04/pr23336-brunei-imf-executive-board-concludes-2023-article-iv-consultation-with-brunei-darussalam>>. Diakses pada: 10 Oktober 2023.
- Jabatan Perdana Menteri. (2021). *Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia - Tahun 1443/2021*. Jabatan Perdana Menteri, Brunei Darussalam.
- Jaribah Ibn Ahmad Al-Haris. (2006). *Fikih Ekonomi Umar bin Al-Khattab*. Terjemahan Asmuni Solihan Zamakhsyari. Jakarta: Kholifa.
- Jaribah Ibnu Ahmad al-Haris. (2006). *Fikih Ekonomi umar bin Al-Khattab*. Terjemahan Asmuni Solihan Zamakhsyari. Jakarta: Kholifa.
- M.A. Sabzwari (2002). Sistem Ekonomi dan Fiskal pada Masa Pemerintahan Nabi Muhammad. Dalam Adiwarman Karim (Ed.). (2002). *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam*. Jakarta: IIIT.
- Maftuha, Haeruddin, & Lutfika. (2021). Tradisi Dan Praktik Ekonomi Pada Masa Rasulullah SAW. *Jurnal Studi Keislaman*, 2(2). 1-19.
- Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035. (2023). Laporan Wawasan Brunei 2035: 2015-2022. Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Ministry of Finance and Economy (MoFE). (2023). *Income Tax*. Diperolehi daripada: <https://www.mofe.gov.bn/Divisions/income-tax.aspx>. Diakses pada: 11 Oktober 2023.
- Moh. Ahyar Maarif. (2019). Baitul Mal Pada Masa Rasulullah SAW dan Khulafaur al-Rashidin. *Asy-Syari'ah Jurnal Hukum Islam*, 5(2). 37-50.
- Mohd Isa Mohd Reni & Sri Rahayu Sarifin. (2021). Peranan dan Cabaran Agensi Agama Islam Ketika Era Pandemik COVID-19. *International Conference on Syariah and Law 2021*, 370-378.
- Munrokhim Misanam, Priyonggo Suseno, & M. Bhekti Hendrieanto. (2012). *Ekonomi Islam*. Cet. IV. Jakarta: RajaGrafindo Persada.
- Mustafa Edwin Nasution, Budi Setyanto, Nurul Huda, Muhammad Arief Mufraeni, & Bey Saptu Utama. (2006). *Pengenalan Eksklusif Ekonomi Islam*. Jakarta: Kencana.
- Nurul Hidayati. (2018). 'Usyur dan Jizyah dalam Kajian Ekonomi Islam. *Tawazun Journal of Shariah Economic Law*, 1(1). 73-86.
- Oana-Ramona Lobont, Florin Costea, Sorana Vatavu, Zheng-Zheng Li & Alexandra-Mădălina Țăran. (2023). Is Fiscal Policy One of the Most Important

- Socio-Economic Drivers for Entrepreneurial Activity in European Union Countries. *Journal of Business Economics and Management*, 24(2), 292-314.
- Rosaria Rita Canale. (2019). The Evolution of Fiscal Policy Theory and the Eurozone. *Rivista Internazionale Di Scienze Sociali*, 2. 173-94.
- Saniatul Lativa. (2021). Analisis Kebijakan Fiskal Indonesia Pada Masa Pandemi COVID-19 Dalam Meningkatkan Perekonomian. *Jurnal Ekonomi*, 23(3).
- Wasiah & Fitri. (2022). Pendidikan Islam di Brunei Darussalam. *Adiba Journal of Education*, 2(1). 97-108.
- Wei Shan Ang, Jodi Woan-Fei Law, Vengadesh Letchumanan, Yong Sze Ong, Yatinesh Kumari, L.C Ming, & Tan Loh Teng Hern. (2023). COVID-19 Pandemic in Brunei Darussalam. *Progress in Microbes & Molecular Biology*, 6(1). 01-16.
- World Health Organization (WHO). (2023). WHO Coronavirus (COVID-19) Dashboard. Diperolehi daripada: <<https://covid19.who.int/>> Diakses pada: 08 Oktober 2023.
- Ziauddin Ahmad. (1989). Public Finance in Islam. *International Monetary Fund Working Paper*. International Monetary Fund.